



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 21 Februari 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Didenda RM10,000 sorok barang kawalan



Norfamieza dikawal dua pegawai KPDN ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

**SEREMBAN** - Syarikat peruncitan dan pengarahnya masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan menyimpan pelbagai barang kawalan di premis yang tidak dibenarkan pada tahun lalu.

Hakim Mohamad Kamil Nizam membuat keputusan itu selepas Pengarah KM Bersatu Resources Sdn Bhd, Norfamieza Nordin, 35, mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan.

Tertuduh turut berdepan hukuman penjara sebulan jika gagal menjelaskan denda terbabit.

Mengikut pertuduhan yang dibacakan secara berasingan, tertuduh dan syarikatnya didapati menyimpan 336 kilogram (kg) gula, minyak masak pekot (1,886kg), 118kg minyak masak botol (118kg) dan tepung gandum (140kg) di premis yang tidak dibenarkan oleh pegawai kawal bekalan untuk pe-

nyimpanan itu.

Kesalahan tersebut dilakukan pada 14 Julai 2024, kira-kira jam 11.30 pagi di sebuah premis tanpa nama di Jalan Senawang Perdana 2, Taman Senawang Perdana di sini.

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawal Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) dan Seksyen 22(1) akta sama.

Bagi pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan ini jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM5 juta.

Bagi individu, boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya boleh didenda tidak lebih RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

## Sindiket licik pindah gas LPG dalam lori tumpas

**Puchong:** Risikan selama sebulan terhadap sebuah premis menyimpan dan mengedar gas petroleum cecair (LPG) dekat Taman Meranti Permai di sini, membongkar penyelewengan bahan itu yang dipindahkan daripada tong bersubsidi 14 kilogram (kg) kepada tangki komersial 50kg.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey, berkata susulan risikan dijalankan itu, pihaknya menyerbu premis terbabit kira-kira jam 11 malam kelmarin.

Beliau berkata, hasil serbuan mengesan kegiatan memindah atau 'decanting' gas LPG dari tong bersubsidi 14kg untuk kegunaan rumah ke dalam tong LPG kapasiti 50kg untuk kegunaan industri, dibuat dalam tiga lori 'bonded' lima tan yang di parkir dalam premis terbabit.

"Ini modus operandi terbaharu kegiatan 'decanting' yang kita kesan di negeri ini, iaitu melakukan proses itu dalam lori, dan ini mungkin bagi mengelak kegiatan itu mudah dikesan pihak berkuasa.

"Siapa sangka proses itu dijalankan di dalam lori dalam keadaan tertutup dan gelap. Lori itu diletakkan di dalam kawasan terbuka yang ada dalam kawasan premis terbabit dan kelihatan seperti lori usang," katanya di sini semalam.

Mohd Zuhairi berkata, dalam serbuan itu pihaknya menemui beberapa peralatan seperti hos penyambung dan tong ais yang berisi ais dipercayai digunakan dalam pemindahan kandungan LPG.

"Siasatan kita mendapati sindiket ini menjual LPG komersial 50kg dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran RM220 kepada RM190 satu tong dan pasaran untuk sekitar Lembah Klang.

"Hasil siasatan kita juga mendapati kegiatan penyelewengan ini sudah berlaku antara setahun hingga dua tahun, dan sepanjang risikan dijalankan, kita mendapati aktiviti 'decanting' ini dijalankan setiap hari," katanya.

Mohd Zuhairi berkata, menerusi serbuan itu juga pihaknya menyita lebih 4,000 tong LPG pelbagai jenama kapasiti 14kg dan 50kg; 17 lori; pelbagai peralatan serta dokumen perniagaan dengan nilai keseluruhan rampasan mencecah RM1.6 juta.

Selain itu, 21 individu ditahan terdiri daripada empat lelaki tempatan dan 17 lelaki warga asing, berusia lingkungan 30-an hingga 50-an.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## *Pindah diesel waktu malam elak dikesan*

**Johor Bahru:** Berselindung di sebalik operasi syarikat pengurusan pengangkutan sebuah kilang bagi menjalankan kegiatan menyeludup diesel dari luar negara.

Kegiatan haram itu bagaimanapun berjaya dibongkar pihak polis yang menyerbu premis di Taman Perniagaan Setia di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, sindiket itu berjaya dilumpuhkan hasil risikan Unit Risik Marin (URM) Pasukan Polis Ma-

rin (PPM) Wilayah Dua sejak empat bulan lalu.

Beliau berkata, siasatan mendapati sindiket itu beroperasi dengan mendapatkan bekalan diesel dari luar negara menerusi kapal di laut.

Katanya, bekalan diesel itu kemudian dibawa dengan bot sebelum dipindahkan ke dalam lori dan dibawa ke kilang berkenaan.

"Sebaik sampai di kilang, sindiket akan melakukan kegiatan pemindahan diesel terutamanya pada waktu malam bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Mereka sudah melakukan kegiatan ini sejak Oktober tahun lalu. Aktiviti mereka dapat dihidu apabila banyak lori keluar masuk ke kilang dalam keadaan mencurigakan," katanya ketika sidang media di kilang semalam.

Raub berkata, dalam serbuan itu, polis menahan empat suspek iaitu seorang lelaki dan wanita tempatan serta masing-masing seorang lelaki Bangladesh dan lelaki Myanmar berusia antara 29 hingga 69 tahun.

Menurut beliau, pihaknya sedang menyiasat sama ada suspek tempatan

yang juga penjaga kilang itu adalah dalang sindiket berkenaan.

"Dalam serbuan itu, polis turut merampas dua lori tangki berisi diesel dengan anggaran 23,000 liter, satu lori tangki kecil (2,000 liter diesel), skid tangki (12,500 liter), sembilan square tank (4,800 liter), dua tangki besi (2,200 liter), empat pam elektrik serta hos dan satu pam flow meter dengan hos (44,500 liter).

"Rampasan diesel berjumlah RM155,000, manakala keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM1.618 juta," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 21 FEBRUARI 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Feb	Didenda RM10,000 simpan barang kawalan di premis tidak dibenarkan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/713763/berita/semasa/didenda-rm10000-simpan-barang-kawalan-di-">https:// www.sinarharian.com.my/ article/713763/berita/ semasa/didenda-rm10000- simpan-barang-kawalan-di-</a>	SINAR HARIAN
21-Feb	Seleweng 15,000 liter diesel untuk lombong bijih haram	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/seleweng-15000-liter-diesel-untuk-">https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/02/seleweng- 15000-liter-diesel-untuk-</a>	UTUSAN MALAYSIA
21-Feb	Fake certifications, real consequences	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/20/fake-certifications-real-">https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/02/20/fake- certifications-real-</a>	THE STAR
21-Feb	Dewan Rakyat: MOT bakal gubal akta isu sewa tayar lori di Puspakom	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/20/dewan-rakyat-mot-bakal-gubal-akta-isu-sewa-tayar-lori-di-puspakom/">https:// www.kosmo.com.my/2025/ 02/20/dewan-rakyat-mot- bakal-gubal-akta-isu-sewa- tayar-lori-di-puspakom/</a>	KOSMO
21-Feb	KPDN Pulau Pinang serbu stor haram seleweng LPG bersubsidi	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-serbu-stor-haram-seleweng-lpg-bersubsidi-">https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-pulau- pinang-serbu-stor-haram- seleweng-lpg-bersubsidi-</a>	ASTRO AWANI
21-Feb	KPDN Selangor rungkai taktik baharu seleweng LPG subsidi di Puchong	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-rungkai-taktik-baharu-seleweng-lpg-subsidi-di-puchong-509475">https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-selangor- rungkai-taktik-baharu- seleweng-lpg-subsidi-di- puchong-509475</a>	ASTRO AWANI
21-Feb	Lori dijadikan tempat kegiatan pindah gas LPG bersubsidi ke tangki komersil	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1363725/lori-dijadikan-tempat-kegiatan-pindah-gas-lpg-bersubsidi-">https:// www.bharian.com.my/ berita/ kes/2025/02/1363725/lori- dijadikan-tempat-kegiatan- pindah-gas-lpg-bersubsidi-</a>	BERITA HARIAN
21-Feb	Sindiket seleweng LPG guna lori 'bonded' tumpas, 21 individu ditahan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/713814/berita/semasa/sindiket-seleweng-lpg-guna-lori-bonded-">https:// www.sinarharian.com.my/ article/713814/berita/ semasa/sindiket-seleweng- lpg-guna-lori-bonded-</a>	SINAR HARIAN



21-Feb	Kaut untung pindah 300 gas LPG haram setiap hari	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/20/kaut-untung-pindah-300-gas-lpg-haram-setiap-">https:// www.kosmo.com.my/2025/ 02/20/kaut-untung-pindah- 300-gas-lpg-haram-setiap-</a>	KOSMO
21-Feb	Sindiket pindah LPG guna lori bonded, warga asing tumpas	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/02/sindiket-pindah-lpg-guna-lori-bonded-warga-asing-">https:// www.utusan.com.my/ nasional/jenayah/2025/02/ sindiket-pindah-lpg-guna- lori-bonded-warga-asing-</a>	UTUSAN MALAYSIA
21-Feb	Sindiket guna lori bonded seleweng gas LPG, rampasan bernilai RM1.6 juta	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1189282/sindiket-guna-lori-bonded-seleweng-gas-lpg-rampasan-bernilai-rm16-">https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/02/1189282/ sindiket-guna-lori-bonded- seleweng-gas-lpg- rampasan-bernilai-rm16-</a>	HARIAN METRO
21-Feb	Penguat kuasa serbu Jalan Petaling, 5,500 barang tiruan disita	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1189308/penguat-kuasa-serbu-jalan-petaling-5500-barang-tiruan-disita#google_vignette">https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/02/1189308/ penguat-kuasa-serbu-jalan- petaling-5500-barang-tiruan -disita#google_vignette</a>	HARIAN METRO
21-Feb	Petaling Street digempur, KPDN rampas barangan tiruan bernilai RM360,000	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/petaling-street-digempur-kpdn-rampas-barangan-tiruan-">https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/02/petaling- street-digempur-kpdn- rampas-barangan-tiruan-</a>	UTUSAN MALAYSIA
21-Feb	KPDN rampas 5,500 barang tiruan RM360,000 di Petaling Street	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/20/kpdn-rampas-5500-barang-tiruan-rm360000-di-petaling-street/">https:// www.kosmo.com.my/2025/ 02/20/kpdn-rampas-5500- barang-tiruan-rm360000-di- petaling-street/</a>	KOSMO
21-Feb	Petaling Street kena serbu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/713871/berita/semasa/petaling-street-">https:// www.sinarharian.com.my/ article/713871/berita/ semasa/petaling-street-</a>	SINAR HARIAN
21-Feb	Fahmi Bertemu Persatuan ALIFE, Teliti Mekanisme Penganjuran Konsert	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2394790">https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2394790</a>	BERNAMA
21-Feb	Dewan Rakyat: MOT bakal gubal akta isu sewa tayar lori di Puspakom	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/20/dewan-rakyat-mot-bakal-gubal-akta-isu-sewa-tayar-lori-di-puspakom/">https:// www.kosmo.com.my/2025/ 02/20/dewan-rakyat-mot- bakal-gubal-akta-isu-sewa- tayar-lori-di-puspakom/</a>	KOSMO